

09 JAN 2001

Mahathir-Kabinet

DR MAHATHIR SAH AKAN MEROMBAK KABINET

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan akan melakukan rombakan kabinet tidak lama lagi.

Ditanya bila ia akan diumumkan, Dr Mahathir berkata beliau memerlukan masa untuk mengkajinya secara mendalam.

"Insya-Allah, mudah-mudahan tak lama lagi. Ini kerajaan, kita kena kaji betul-betul. Ia bukan boleh dibuat sambil lewa," katanya kepada persidangan media di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang, dekat sini sekembalinya dari lawatan kerja tiga hari ke Myanmar.

Ditanya sama ada beberapa menteri akan digugurkan atau sama ada wanita akan dimasukkan ke dalam barisan baru Kabinet, Dr Mahathir enggan mengulas.

Dr Mahathir, yang sebelum ini telah menafikan spekulasi akan merombak Kabinet beliau yang dilantik selepas pilihan raya umum 1999, berkata rombakan Kabinet merupakan satu perkara serius dan "bukannya seperti membentuk jawatankuasa tanam semula."

Ketika menjawab soalan sama ada pengumuman rombakan Kabinet itu akan dilakukan selepas mesyuarat mingguan Kabinet esok, Perdana Menteri berkata beliau akan menghadiri mesyuarat itu dan akan mendengar apa-apa pendapat yang akan dikemukakan oleh anggota Kabinet.

Ditanya sama ada beliau telah mengenal pasti pengganti Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Haji Abdul Hamid Othman, Dr Mahathir berkata beliau belum memikirkannya lagi.

Abdul Hamid mengumumkan minggu lepas bahawa beliau telah menghantar surat peletakan jawatannya kepada Dr Mahathir sebelum Perdana Menteri berlepas ke Myanmar.

Mengenai andaian bahawa peletakan jawatan Abdul Hamid dan kemungkinan beberapa menteri Umno lagi akan digugurkan bagi membolehkan mereka memberi tumpuan yang lebih kepada jentera parti, Dr Mahathir berkata beliau (Hamid) masih boleh memberi sumbangan.

"Beliau masih boleh menyumbang kepada kerajaan melalui jawatan-jawatan lain," katanya tanpa mengulas panjang.

Beliau sempat berjenaka apabila Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba ketika sidang media itu sedang berjalan.

"Mereka (pemberita) kata awak kena tukar," kata beliau.

Yang turut menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

-- BERNAMA

AR AHH NMO